



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Kemalangan Diri Perjalanan Berkelompok

untuk Shopee Mobile Malaysia Sdn. Bhd.

Nombor Polisi Induk 24PKL0000018

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Kemalangan Diri Perjalanan Berkelompok Polisi

BAHAWASANYA Pemegang Polisi yang diterangkan dalam jadual **Polisi**, melalui cadangan dan pengisytiharan yang akan menjadi asas kontrak dan dianggap sebagai diperbadankan di sini, telah memohon kepada **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674) (735426V)** (selepas ini dipanggil "**Syarikat**") untuk insurans yang terkandung di sini dan **Orang Yang Diinsuranskan** telah membayar atau telah bersetuju untuk membayar kepada Syarikat premium yang dinyatakan dalam **Jadual** atau **Pengendorsan** sebagai pertimbangan untuk insurans bagi tempoh yang nyatakan di dalamnya.

SEKARANG POLISI INSURANS INI MENYAKSIKAN bahawa jika dalam **Tempoh Insurans Orang Yang Diinsuranskan** mengalami Kecederaan badan yang disebabkan oleh **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** yang semata-mata dan secara bebas daripada sebab lain mengakibatkan kematian atau kecacatan **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang ditakrifkan di sini, atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau hospital dan pembedahan seperti yang ditakrifkan di sini, **Syarikat** akan, tertakluk kepada terma, proviso, pengecualian, dan syarat-syarat yang tertera di dalam dan dilampirkan kepada **Polisi** ini, membayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** jumlah wang yang ditetapkan dalam **Jadual** mengikut faedah yang terkandung dalam **Polisi** ini.

Jadual 1 - Jadual Manfaat

Manfaat		Domestik	Luar Negara (Asia/Seluruh Dunia)
		(RM)	(RM)
(A) Manfaat Kemalangan Peribadi			
1	Kematian akibat Kemalangan (Jumlah Pokok yang Diinsuranskan)	100,000	150,000
2	Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)		
(B) Manfaat Berkaitan Perubatan			
3	Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	12,000	150,000
4	Pendapatan Hospital	100 sehari sehingga 3,000	350 sehari sehingga 15,000
(C) Manfaat Kesulitan Perjalanan			
5	Pembatalan Deposit atau Perjalanan (sehingga)	1,000	5,000
6	Pemendekan Perjalanan (sehingga)	1,000	5,000
7	Bagasi Peribadi dan Barangan Peribadi (sehingga)	500	5,000
8	Kelewatan Bagasi	100 (min. 6 jam)	200 setiap 6 jam sehingga 800
9	Kelewatan Perjalanan	100 setiap 6 jam sehingga 1,500	300 setiap 6 jam sehingga 2,000
(D) Rider Pilihan (dengan premium tambahan)			
Rider Pilihan 1			
10	Aktiviti Sukan	Tersedia	Tersedia
Rider Pilihan 2			
11	Pendakian Gunung Altitud Tinggi	Tidak Tersedia	Tersedia
Berkenaan dengan Aktiviti Sukan yang disenaraikan di bawah Rider Pilihan 1 dan Rider Pilihan 2			
12	Kerosakan Peralatan Sukan (sehingga)	300	1,000

Bahagian 1 – Manfaat

Manfaat-manfaat berikut boleh dibayar untuk setiap **Perjalanan/Lawatan** sehingga **Jumlah Yang Insurans** / jumlah manfaat yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** mengikut pelan yang dipilih oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat **Polisi** ini.

A. Manfaat Kemalangan Diri

1 – Kematian Disebabkan Kemalangan

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** sepanjang **Tempoh Insurans** menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan** dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **Kemalangan** tersebut, **Syarikat** akan membayar manfaat kematian mengikut peratusan **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 -Skala Pampasan.

2 – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** sepanjang **Tempoh Insurans** menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan hilang upaya kekal (disahkan oleh seorang **Pengamal Perubatan**) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 – Skala Pampasan dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **Kemalangan** tersebut, **Syarikat** akan membayar manfaat **Hilang Upaya Kekal** mengikut peratusan **Jumlah Yang Diinsuranskan** bagi jenis **Hilang Upaya Kekal** yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 – Skala Pampasan.

Skala Pampasan	Peratusan (%) Jumlah Yang Diinsuranskan
Kematian disebabkan Kemalangan	100%
Hilang Upaya Kekal disebabkan Kemalangan	100%
Lumpuh Kekal dari leher ke bawah	100%
Hilang dua belah lengan/kaki dari buku lali atau pergelangan ke bawah	100%
Hilang kekal penglihatan kedua-dua mata atau pendengaran	100%
Hilang penglihatan sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga dan satu anggota badan	50%
Hilang penglihatan sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga	50%
Hilang sebelah lengan/kaki dari buku lali atau pergelangan ke bawah	50%
Hilang daya bertutur*	50%

Sekiranya **Kecederaan** tidak dinyatakan, **Syarikat** berhak untuk menggunakan peratusan yang sesuai dari **Jumlah Yang Diinsuranskan** bagi kecacatan tersebut yang, menurut pendapatnya, tidak bercanggah dengan peruntukan dalam Jadual 2 – Skala Pampasan.

Kehilangan keseluruhan penggunaan bahagian anggota badan akan dikira sebagai kehilangan bahagian anggota badan.

*Hilang daya bertutur bermaksud ketidakupayaan kekal sepenuhnya untuk berkomunikasi secara lisan.

Manfaat 1(A)1 (Kematian Disebabkan **Kemalangan**) dan Manfaat 1(A)2 (**Hilang Upaya Kekal** Disebabkan **Kemalangan**) berkongsi had **Jumlah Yang Insurans** yang sama.

Jumlah agregat peratusan yang boleh dibayar di bawah Jadual 2 – Skala Pampasan berkaitan dengan semua **Kemalangan** untuk keseluruhan **Tempoh Insurans** tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) dari **Jumlah Yang Diinsuranskan**.

Sekiranya seratus peratus (100%) dari **Jumlah Yang Diinsuranskan** telah dibayar sepanjang **Tempoh Insurans**, semua perlindungan insurans bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkaitan di bawah **Polisi** ini akan terhenti secara serta-merta dan dengan pembayaran **Jumlah Yang Diinsuranskan**, kewajiban **Syarikat** terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut di bawah **Polisi** ini akan dipenuhi sepenuhnya. Kehilangan lain kurang daripada seratus peratus (100%), jika telah dibayar, akan mengurangkan **Jumlah Yang Diinsuranskan** dengan jumlah tersebut dari **Tarikh Kemalangan** sehingga tamat **Tempoh Insurans**

B. Manfaat Berkaitan Perubatan

1 – Perbelanjaan Perubatan

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami kematian, **Kecederaan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** di dalam atau di luar Malaysia atau menghadapi **Penyakit** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia, **Syarikat** akan membayar balik bayaran atau kos atau perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung, sehingga jumlah yang ditetapkan dalam **Jadual**, bagi:-

- (a) Bayaran perubatan, pembedahan, hospital atau rumah penjagaan;
- (b) Rawatan gigi kecemasan atau pembedahan apabila diperlukan akibat **Kecederaan** yang dialami dalam **Kemalangan** yang disahkan secara bertulis oleh doktor gigi yang merawat;
- (c) Bayaran ambulans; dan
- (d) ***Perubatan Alternatif**.

* **Perubatan Alternatif**

Syarikat akan membayar balik bayaran kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga had sublimit Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk kos **Perubatan Alternatif** yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan**. Sublimit yang berkenaan adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan bagi **Perbelanjaan Perubatan**.

2 – Pendapatan Hospital

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dirawat di hospital sebagai pesakit dalam akibat **Kemalangan** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** di dalam atau di luar Malaysia atau menghadapi **Penyakit** semasa dalam **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia, **Syarikat** akan membayar kepada

Orang Yang Diinsuranskan jumlah yang ditetapkan dalam **Jadual** bagi setiap tempoh dua puluh empat (24) jam untuk **Hospitalisasi** yang lengkap semasa **Perjalanan/Lawatan**.

C. Manfaat Kesulitan Perjalanan

1 – Pembatalan Deposit atau Perjalanan

- (a) **Syarikat** akan membayar perbelanjaan yang tidak dapat diperolehi kembali yang telah dibayar dan/atau dikontrakkan untuk dibayar berkaitan dengan penginapan, caj pengangkutan, perbelanjaan perjalanan tambahan, caj persiaran **Orang Yang Diinsuranskan** jika **Perjalanan/Lawatan** dibatalkan disebabkan oleh peristiwa yang berikut:-
- (i) Kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, kematian mana-mana **Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan**, atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan**, selama enam puluh (60) hari sebelum tarikh asal **Orang Yang Diinsuranskan** dijadualkan untuk berlepas;
 - (ii) Kemasukkan **Orang Yang Diinsuranskan**, kemasukkan mana-mana **Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan**, atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** ke hospital pada tarikh dijadualkan berlepas berpunca daripada **Kecederaan** atau **Penyakit Serius**;
 - (iii) **Kecederaan** atau **Penyakit** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang mengakibatkan **Pengamal Perubatan** yang merawat mengesahkan secara bertulis bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh melakukan perjalanan pada tarikh dijadualkan berlepas;
 - (iv) **Kecederaan** atau **Penyakit Serius** yang dialami oleh mana-mana **Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan** yang dijadualkan untuk melancong bersama **Orang Yang Diinsuranskan**, yang mengakibatkan **Pengamal Perubatan** yang merawat mengesahkan secara bertulis bahawa **Ahli Keluarga** tersebut tidak boleh melakukan perjalanan pada tarikh dijadualkan berlepas;
 - (v) **Orang Yang Diinsuranskan** dan/atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** diletakkan di bawah kuarantin atau pengasingan wajib atas perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf pada tarikh dijadualkan berlepas **Orang Yang Diinsuranskan** kerana didiagnosis dengan Covid-19;
 - (vi) Kerosakan serius kepada **Rumah Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan oleh kebakaran, banjir, atau **Bencana Alam** yang serupa yang memerlukan **kehadiran Orang Yang Diinsuranskan** pada tarikh dijadualkan berlepas;
 - (vii) **Bencana Alam** di destinasi yang dirancang menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada memulakan **Perjalanan/Lawatan**, dengan syarat **Bencana Alam** berlaku tidak lebih dari satu (1) bulan sebelum tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** dijadualkan berlepas.
- (b) **Syarikat** tidak akan membayar manfaat di bawah Bahagian ini jika:-
- (i) **Polisi** ini dibeli dan pembayaran premium dilakukan kurang daripada tujuh (7) hari sebelum perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan**; atau

- (ii) **Orang Yang Diinsuranskan** membeli **Polisi** ini dan membuat pembayaran premium selepas permulaan atau pengumuman **Bencana Alam** atau selepas terjadinya sebarang kejadian lain di bawah Bahagian C(1)(a); atau
- (iii) **Orang Yang Diinsuranskan** membeli **Polisi** ini dan membuat pembayaran premium sejurus selepas **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan** atau **Orang Yang Diinsuranskan** didiagnosis dengan **Penyakit**.

2 – Pemendekan Perjalanan

- (a) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** terpaksa memendekan perjalanan semasa **Perjalanan/Lawatan** disebabkan kejadian yang dinyatakan dalam Bahagian C(2)(b) yang menyebabkan gangguan **Perjalanan/Lawatan Orang Yang Diinsuranskan** atau **Orang Yang Diinsuranskan** perlu pulang ke Malaysia sebelum menghabiskan keseluruhan **Perjalanan/Lawatan**, **Syarikat** akan membayar:-
 - (i) caj atau bayaran perbelanjaan yang tidak dapat diperolehi semula bagi sebahagian **Perjalanan/Lawatan Orang Yang Diinsuranskan** yang tidak digunakan dan tidak boleh dibayar balik yang dikira mengikut kadar hari-hari yang tidak digunakan yang telah dibayar atau dikontrakkan untuk dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan**; dan
 - (ii) Sama ada kos tambahan untuk menukar tiket pulang **Orang Yang Diinsuranskan** kepada tarikh yang berlainan atau kos untuk membeli tiket yang baru yang mana kelas tiket penerbangan pulang yang baru tidak lebih tinggi daripada kelas tiket penerbangan pulang yang asal, jika **Pengangkutan Umum** tidak dapat menukar tarikh pulang pada tiket yang asal.
- (b) Manfaat di atas akan dibayar sekiranya:-
 - (i) kematian, **Kecederaan** (yang menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh melakukan perjalanan atau meneruskan **Perjalanan/Lawatan** yang diperakui secara bertulis oleh **Pengamal Perubatan**) atau **Penyakit Serius** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** semasa **Perjalanan/Lawatan**;
 - (ii) kematian mana-mana **Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan** yang tidak diduga;
 - (iii) **Penyakit** atau **Kemalangan** yang dialami oleh **Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan** yang memerlukan kemasukan ke hospital untuk tempoh lebih daripada empat puluh lapan (48) jam;
 - (iv) **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** diletakkan di bawah kuarantin atau pengasingan wajib mengikut perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasakesihatan awam yang diiktiraf di negara yang **Orang Yang Diinsuranskan** sedang melawat semasa **Perjalanan/Lawatan** akibat didiagnosis dengan Covid-19;
 - (v) kerosakan serius kepada **Rumah Orang Yang Diinsuranskan** akibat kebakaran, banjir atau **Bencana Alam** yang seumpamanya yang memerlukan kehadiran **Orang Yang Diinsuranskan**;

- (vi) **Bencana Alam** di destinasi yang dijadualkan yang menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada meneruskan **Perjalanan/Lawatan** yang dijadualkan.
- (c) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** perlu tinggal di destinasi di luar negara melebihi tarikh yang dijadualkan pulang akibat **Kecederaan** (yang menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh melakukan perjalanan atau meneruskan **Perjalanan/Lawatan** yang diperakui secara bertulis oleh **Pengamal Perubatan**) atau **Penyakit Serius** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan, Syarikat** akan membayar:-
- (i) Sama ada kos tambahan untuk menukar tiket pulang **Orang Yang Diinsuranskan** ke tarikh yang lain atau kos untuk membeli tiket pulang baru sekiranya Pengangkutan Umum tidak dapat menukar tarikh pulang pada tiket asal, dengan syarat bahawa:-
- **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke dalam hospital pada tarikh pulang yang dijadualkan; atau
 - **Pengamal Perubatan** yang merawat memperakui secara bertulis bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh melakukan perjalanan pada tarikh pulang yang dijadualkan; dan
 - Kelas tiket perjalanan yang baru tidak melebihi kelas tiket yang asal; dan
- (ii) Perbelanjaan penginapan tambahan yang munasabah yang ditanggung sepanjang tempoh **Pengamal Perubatan** memperakui secara bertulis bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh melakukan perjalanan pada tarikh pulang yang dijadualkan.
- (d) **Syarikat** tidak akan membayar caj atau belanja yang dibayar bagi tiket pulang yang tidak digunakan sekiranya **Syarikat** membayar kos menukar tiket pulang **Orang Yang Diinsuranskan** ke tarikh yang berlainan atau kos untuk membeli tiket pulang yang baru.

3 – Bagasi Peribadi Atau Barangan Peribadi

- (a) Sekiranya **Bagasi Peribadi** atau **Barangan Peribadi Orang Yang Diinsuranskan** (termasuk pakaian yang dipakai) dicuri, rosak atau hilang semasa **Perjalanan/Lawatan Orang Yang Diinsuranskan, Syarikat** akan membayar ganti rugi seperti yang berikut setelah ditolak sebarang haus, lusuh atau susut nilai:-
- (i) Sebarang kerosakan atau kehilangan **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi Orang Yang Diinsuranskan** akibat kecurian atau cubaan mencuri dengan syarat bahawa **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi** dibawa oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau disimpan dan berada di bawah penjagaan hotel;
- (ii) Kerosakan atau kehilangan **Bagasi Peribadi** dan **Barangan Peribadi Orang Yang Diinsuranskan** oleh **Pengangkutan Umum** tertakluk pada had yang ditetapkan dalam Bahagian C(3)(b).

- (b) Amaun maksimum yang akan dibayar oleh **Syarikat** bagi setiap barangan adalah: -
- (i) Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) untuk setiap barang, sepasang atau satu set artikel;
 - (ii) Nilai berkadar satu artikel kepunyaan pasangan atau set sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan kepada artikel tersebut;
 - (iii) Agregat sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) (untuk **Perjalanan/Lawatan** dalam Malaysia) dan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) (untuk **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia) jika berkaitan **Peranti Pintar**.
- (c) **Syarikat** tidak akan membayar untuk:-
- (i) Kehilangan atau kerosakan pada barang kemas walaubagaimanapun berlaku;
 - (ii) Kehilangan atau kerosakan peralatan sukan kecuali jika Sukan Tambahan (Rider Pilihan) dibeli (terma dan syarat yang berkenaan adalah seperti Bahagian 1 (D) (Sukan Tambahan (Rider Pilihan)) **Polisi** ini);
 - (iii) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh keadaan atmosfera atau iklim, haus, lusuh atau susut nilai, haiwan perosak, kemerosotan berperingkat, gangguan mekanikal atau elektrik, sebarang kerosakan tersorok;
 - (iv) Kehilangan atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tidak dijaga kecuali jika barangan yang hilang atau rosak benar-benar tidak dapat dilihat dan disimpan di dalam bonet belakang kenderaan yang telah dikunci sepenuhnya dan semua tingkap ditutup dan terdapat bukti jelas bahawa kenderaan telah dipecah masuk;
 - (v) Sebarang kehilangan yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian itu disedari;
 - (vi) Kehilangan atau kerosakan di mana **Orang Yang Diinsuranskan** akan menerima penggantian atau pampasan sama ada dari **Pengangkutan Umum** atau pihak lain.

4 – Kelewatan Bagasi

- (a) Sekiranya bagasi **Orang Yang Diinsuranskan** yang didaftar masuk ditangguh, tersalah kendali, disalahuruskan atau tersalah letak selama sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa ketibaan di destinasi yang dijadualkan sehingga **Orang Yang Diinsuranskan** menerima bagasinya, **Syarikat** akan membayar:
- (i) Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) sahaja bagi destinasi perjalanan dalam Malaysia. Amaun yang sama terpakai untuk kelewatan bagasi semasa pulang ke **Rumah Orang Yang Diinsuranskan**;
 - (ii) Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) bagi setiap enam (6) jam berturut-turut kelewatan bagasi, sehingga maksimum Lapan Ratus Ringgit Malaysia (RM800) bagi destinasi perjalanan di luar Malaysia.
- (b) Apabila pulang ke Malaysia, sekiranya bagasi **Orang Yang Diinsuranskan** yang didaftar masuk ditangguh, tersalah kendali, disalahuruskan atau tersalah letak selama sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa ketibaan di Malaysia, **Syarikat** akan membayar kepada **Orang Yang**

Diinsuranskan sejumlah wang tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200). Faedah ini hanya terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia.

- (c) **Syarikat** tidak akan membayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tidak melaporkan kepada **Pengangkutan Umum** dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas menyedari kelewatan atau kehilangan bagasi tersebut.

5 – Kelewatan Perjalanan

- (a) Sekiranya Pengangkutan **Umum Orang Yang Diinsuranskan** ditangguhkan/ dijadualkan semula, diubah laluan atau dibatalkan dan menyebabkan kelewatan sekurang-kurangnya enam (6) jam berdasarkan waktu yang ditetapkan dalam tempahan **Pengangkutan Umum**, **Syarikat** akan membayar setiap enam (6) jam berturut-turut sama ada kelewatan perlepasan atau ketibaan, yang mana mempunyai tempoh yang lebih lama, sehingga amaun yang dinyatakan dalam **Jadual**.
- (b) Kelewatan sama ada perlepasan atau ketibaan, atau pembatalan **Pengangkutan Umum**, yang mana berkenaan, mesti disahkan secara bertulis oleh **Pengangkutan Umum** atau ejen pengendalian yang berkaitan dan pengesahan tersebut mesti menunjukkan waktu asal perlepasan atau ketibaan yang dijadualkan dan waktu perlepasan atau ketibaan yang sebenar bagi **Pengangkutan Umum** tersebut.
- (c) Sekiranya perlepasan yang dijadualkan **Pengangkutan Umum Orang Yang Diinsuranskan** dijadualkan semula ke tarikh atau masa yang lebih awal oleh pengendali **Pengangkutan Umum**, **Syarikat** akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** sekaligus Ringgit Malaysia Seratus (RM100) untuk **Perjalanan/Lawatan** di dalam Malaysia, atau Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) untuk **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia, tertakluk kepada pengesahan bertulis oleh **Pengangkutan Umum** atau ejen pengendali mengenai penjadualan semula tersebut.
- (d) **Syarikat** tidak akan membayar:-
- (i) Bagi sebarang kelewatan, penjadualan semula atau pembatalan disebabkan tindakan mogok atau tindakan pekerja industri yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh pengeluaran **Polisi** atau yang diumumkan pada tarikh tiket perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan** atau tarikh pengesahan tempahan telah dikeluarkan;
 - (ii) Bagi sebarang kelewatan, penjadualan semula, perubahan laluan atau pembatalan yang dimaklumkan empat puluh lapan (48) jam sebelum masa berlepas asal yang tercatat dalam tiket perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan**;
 - (iii) Bagi sebarang kos tambahan yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk membeli semula tiket baru dan caj penginapan tambahan.

D. Sukan Tambahan (Rider Pilihan)

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** berkaitan dengan semua manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami kerugian yang boleh dituntut semasa aktiviti yang disenaraikan di bawah dengan syarat premium tambahan dibayar.

1 – Rider Pilihan 1 (Aktiviti Sukan)

- (a) **Syarikat** akan membayar pampasan di bawah manfaat yang berkaitan dengan **Polisi** ini jika kerugian yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** adalah disebabkan secara langsung oleh aktiviti sukan berikut yang dijalankan semasa **Perjalanan/Lawatan**:-
- (i) Sukan Air - aktiviti berakit, berkanu dan berkayak yang melibatkan arus deras (kelas 4 dan ke bawah), mendayung, kapal layar, paralayar, meluncur, luncur angin (layar papan), jet ski, selam skuba dan aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan tiruan (sehingga kedalaman air lima puluh (50) meter). (terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di dalam dan di luar Malaysia).
 - (ii) Sukan Musim Sejuk - aktiviti luncur ais dan luncur papan salji, ski, kereta luncur dan kereta salji (terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia sahaja)..
 - (iii) Lain-lain - aktiviti pendakian (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan pendakian lain) sehingga 3,500 meter (terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia sahaja) atau 4,500 meter (terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di dalam Malaysia sahaja) atau kem pusat yang mana-mana lebih rendah, terjun udara, geluncur angin, terjun lelabah, meluncur bola zorb, sphereing, orbing, belon udara di Nepal dikecualikan dalam rider pilihan ini. (terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di dalam dan di luar Malaysia).
- (b) **Syarikat** tidak akan membayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tidak mengamalkan penjagaan keselamatan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

2 – Rider Pilihan 2 (Pendakian Gunung Altitud Tinggi)

Tertakluk kepada peruntukan bahawa aktiviti sukan/lawatan dikendalikan mestilah bersama dengan pengendali berlesen yang diperakui oleh pihak berkuasa tempatan:-

- (a) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami kerugian yang dilindungi di bawah manfaat **Polisi** ini semasa mendaki gunung (tidak melibatkan penggunaan tali atau peralatan pendakian yang lain) sehingga 5,500 meter atau kem pusat yang mana lebih rendah, **Syarikat** akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** pampasan di bawah manfaat yang berkaitan

dengan syarat tempoh maksimum pendakian yang dijalankan tidak melebihi tiga puluh (30) hari. Sebarang aktiviti pendakian atau mendaki di Nepal dikecualikan dalam pilihan rider ini. Untuk mengelak dari sebarang keraguan, Rider Pilihan 2 ini hanya terpakai untuk **Perjalanan/Lawatan** di luar Malaysia sahaja.

- (b) Syarikat tidak akan membayar sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tidak mengamalkan penjagaan keselamatan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

3 – Kerosakan Pada Peralatan Sukan

- (a) Sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada **Peralatan Sukan Orang Yang Diinsuranskan** untuk Aktiviti Sukan yang disenaraikan di bawah Bahagian D(1) dan D(2), **Syarikat** akan membayar balik kepada **Orang Yang Diinsuranskan** apa-apa kos yang munasabah yang ditanggung untuk penggantian atau pembaikan **Peralatan Sukan**, untuk setiap insiden untuk setiap **Perjalanan/Lawatan**.
- (b) **Syarikat** tidak akan membayar:-
- (i) Kerugian atau kerosakan akibat haus dan lusuh, atau apa-apa kerosakan semulajadi;
 - (ii) Kerugian atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tanpa pengawasan melainkan ia tidak dapat dilihat di dalam kenderaan yang terkunci sepenuhnya dan tingkapnya ditutup dan terdapat bukti jelas mengenai kemasukan secara paksa;
 - (iii) Kerosakan yang dilindungi oleh waranti pengilang; atau
 - (iv) Kerugian atau kerosakan di mana **Orang Yang Diinsuranskan** akan menerima gantian atau pampasan dari **Pengangkutan Umum** atau pihak-pihak lain.

Bahagian 2 – Syarat-Syarat Am

1. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pematuhan sewajarnya dan pemenuhan terma dan syarat **Polisi** ini selaras dengan apa yang perlu dilakukan atau tidak perlu dilakukan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil sah **Orang Yang Diinsuranskan** dari segi undang-undang merupakan syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti **Syarikat** untuk membuat bayaran di bawah **Polisi** ini.

2. Notis

Setiap notis atau komunikasi yang perlu diberikan atau dibuat di bawah **Polisi** ini oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang hendaklah disampaikan secara bertulis kepada ibu pejabat atau mana-mana cawangan **Syarikat**.

3. Kelayakan

- (a) **Orang Yang Diinsuranskan** harus terdiri daripada warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja yang sah, pemegang pas pelajar yang sah atau individu lain yang bekerja secara sah di Malaysia atau menetap di Malaysia secara sah, dan pasangan dan anak/anak-anaknya yang tinggal secara sah di Malaysia semasa **Tempoh Insurans**, dan yang berumur:
- (i) antara tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapatkan pelan asas;
 - (ii) antara tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapatkan Rider Pilihan 1;
 - (iii) antara lapan belas (18) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapatkan Rider Pilihan 2.
- (b) Umur yang dirujuk dalam **Polisi** ini adalah merujuk kepada umur pada hari jadi yang lepas.

4. Tujuan Perjalanan

Manfaat yang disediakan di dalam **Polisi** ini hanya akan terpakai untuk perjalanan yang bertujuan untuk percutian (melancong) atau perniagaan. **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan bagi perjalanan yang bertujuan selain daripada percutian dan perniagaan.

Perjalanan yang bertujuan untuk perniagaan termasuk perjalanan untuk menghadiri mesyuarat perniagaan, seminar, ceramah atau acara yang berkaitan dengan perniagaan/**pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan** dan tidak termasuk penempatan, penugasan pendek atau panjang, dan mana-mana aktiviti yang sama.

5. Penukaran Alamat Atau Butiran

Orang Yang Diinsuranskan dan/atau **Pemegang Polisi** hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada **Syarikat** tentang sebarang perubahan pada nama, tempat kediaman, perniagaan atau pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Pemegang Polisi**. **Orang Yang Diinsuranskan** juga hendaklah memberikan notis sebelum pembaharuan sebarang perlindungan di bawah **Polisi** ini tentang sebarang **Kecederaan**, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan yang telah dialami atau diketahui oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

6. Pindaan

Syarikat berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini dan pindaan tersebut hanya akan berlaku jika dibenarkan oleh **Syarikat** dan disahkan di bawah **Polisi** ini. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa dari pembaharuan **Polisi** ini yang seterusnya.

7. Tuntutan

(a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kembali ke **Rumah Orang Yang Diinsuranskan**.

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menyediakan semua dokumen yang berkaitan untuk pemeriksaan oleh **Syarikat** dalam waktu yang munasabah dan hendaklah bekerjasama dengan **Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan sebarang kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan**. Notis bertulis tentang tuntutan yang diberikan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** kepada ibu pejabat atau mana-mana cawangan **Syarikat** di Malaysia atau kepada mana-mana ejen **Syarikat** yang sah akan dianggap sebagai notis kepada **Syarikat**.

Manfaat untuk **Kemalangan** yang menyebabkan **Hilang Upaya Kekal** hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** menyediakan salinan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh **Pengamal Perubatan** yang mengesahkan **Hilang Upaya Kekal** itu.

(b) Bukti Kerugian

Bukti bertulis kehilangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan, resit asal, laporan polis dan bukti lain yang diperlukan untuk menyokong jenis tuntutan, mesti diberikan kepada **Syarikat** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari **Tarikh Kemalangan**.

Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan membatalkan atau mengurangkan sebarang tuntutan jika keadaan tidak mengizinkan untuk menyediakan bukti dalam tempoh tersebut, asalkan bukti tersebut diberikan secepat mungkin dalam keadaan apa pun, kecuali jika tiada kapasiti undang-undang, tidak melebihi satu (1) tahun dari masa di mana bukti diperlukan.

Semua dokumen dan bukti hendaklah disediakan atas kos **Orang Yang Diinsuranskan** atau pihak yang berhak menerima wang melalui **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan ("Pemohon Tuntutan"), dalam bentuk dan sifat yang diperlukan oleh **Syarikat**.

8. Pembaharuan Polisi

Polisi ini dikeluarkan untuk dua (2) tahun dan boleh diperbaharui selepas itu tertakluk kepada persetujuan **Syarikat**. Walau bagaimanapun, **Tempoh Insurans** akan berdasarkan tempoh yang dipilih oleh **Orang Yang Diinsuranskan** semasa pembelian perlindungan dan seperti yang dinyatakan kepada **Syarikat** oleh **Pemegang Polisi**.

9. Perlindungan Orang Yang Diinsurankan

Perlindungan insurans bagi **Orang Yang Diinsurankan** di bawah **Polisi** ini akan sepadan dengan **Tempoh Insurans** yang ditetapkan dalam **Endorsmen. Perjalanan/Lawatan Orang Yang Diinsurankan** mesti bermula di Malaysia dan **Orang Yang Diinsurankan** mesti kembali ke Malaysia dalam **Tempoh Insurans. Orang Yang Diinsurankan** hanya terhad kepada satu (1) perlindungan sahaja di bawah **Polisi** ini dalam **Tempoh Insurans** yang sedang berkuat kuasa dan perlindungan baru hanya boleh dilaksanakan bagi **Orang Yang Diinsurankan** tersebut selepas tamatnya **Tempoh Insurans** terdahulu, tertakluk kepada terma dan syarat di sini.

10. Bayaran Premium

Jadual 3 – Jadual Premium

Jumlah Hari	Domestik	Asia	Seluruh Dunia
	(RM)		
1	2.78 setiap hari	45	80
2			
3		6	10
Setiap tambahan hari			

Optional Rider 1 (Sports Activity)

No. of Days	Domestik	Asia	Seluruh Dunia
	(RM)		
1	1 setiap hari	10	10
2			
3		2	2
Setiap tambahan hari			

Optional Rider 2 (High Altitude Mountaineering)

Asia/Seluruh Dunia (setiap perjalanan)
(RM)
450

*Rider Pilihan 2 hanya tersedia untuk Orang Yang Diinsurankan yang berumur 18 tahun – 65 tahun.

Diskaun Premium

Jumlah orang setiap Order*	Diskaun (%)
5 dan keatas	5

*Order merujuk kepada kumpulan Orang Yang Diinsurankan yang membeli perlindungan ini dalam transaksi yang sama.

Premium yang perlu dibayar adalah bergantung kepada pilihan destinasi perjalanan dan

tempoh perlindungan yang dipilih oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, seperti yang diperincikan dalam Jadual 3 – Jadual Premium. Penerimaan premium oleh **Syarikat** merupakan persetujuan untuk memberi perlindungan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

Pemegang Polisi hendaklah memberikan kepada **Syarikat** butir-butir yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** yang akan dilindungi di bawah **Polisi** ini. Pembayaran premium untuk **Polisi** ini hendaklah dibuat oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, sebagai pertimbangan bagi perlindungan yang akan diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkaitan yang premiumnya belum dibayar dan diterima akan secara automatik dibatalkan, dan **Syarikat** berhak menerima premium berkadar bagi tempoh di mana **Syarikat** menanggung risiko bagi **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut. Jika premium yang perlu dibayar diterima oleh ejen **Syarikat** yang sah, pembayaran tersebut dianggap diterima oleh **Syarikat**.

11. Penamatan Insurans

(a) Penamatan oleh Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan

Jika **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana yang lebih lewat. Walaupun **Polisi** ini dihentikan, perlindungan individu bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang masih berkuat kuasa pada tarikh penamatan **Polisi** ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamatnya **Tempoh Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

Orang Yang Diinsuranskan atau **Ibu Bapa Orang Yang Diinsuranskan** (jika **Orang Yang Diinsuranskan** berusia di bawah lapan belas (18) tahun) boleh menamatkan perlindungan individu bagi **Orang Yang Diinsuranskan** dengan memberi notis kepada **Pemegang Polisi** untuk menamatkan perlindungannya di bawah **Polisi** ini, dengan syarat **Tempoh Insurans** belum bermula. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, mana yang lebih lewat. Sekiranya premium telah dibayar untuk tempoh selepas tarikh penamatan, **Orang Yang Diinsuranskan** berhak mendapatkan pemulangan premium yang telah dibayar untuk perlindungan individu di bawah **Polisi** ini.

(b) Penamatan oleh Syarikat

Sekiranya **Syarikat** menamatkan **Polisi** ini atau sebarang perlindungan individu di bawah **Polisi** ini, menurut Syarat 18 (Salah Nyataan atau Peninggalan Fakta Penting)) atau atas perintah pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan, **Syarikat** akan memberikan notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, di alamat surat-menyurat terakhir yang diketahui di Malaysia. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas

tarikh notis tersebut.

Walaupun **Polisi** ini menamatkan perlindungan individu bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang masih berkuat kuasa pada tarikh penamatan **Polisi** ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamatnya **Tempoh Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

(c) Penamatan Automatik Perlindungan Individu

Perlindungan individu bagi **Orang Yang Diinsuranskan** akan luput/tamat apabila berlaku mana-mana kejadian terawal yang berikut:

- (i) pada tengah malam (waktu Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans**, walaupun **Orang Yang Diinsuranskan** mencapai usia enam puluh enam (66) tahun pada bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans**; atau
- (ii) apabila **Orang Yang Diinsuranskan** meninggal dunia.

12. Bayaran Manfaat

- (a) Pembayaran manfaat di bawah **Polisi** ini tertakluk kepada terma dan syarat di sini. Semua manfaat yang berhak dibayar di bawah **Polisi** ini akan dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** atau salah seorang **Ibu Bapa Orang Yang Diinsuranskan** (jika **Orang Yang Diinsuranskan** berusia di bawah lapan belas (18) tahun), mana-mana yang berkenaan.
- (b) Sebarang manfaat yang berhak dibayar di bawah **Polisi** ini disebabkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan** akan dibayar kepada individu yang diarahkan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** secara bertulis atau kepada wakilnya yang sah dari segi undang-undang jika tiada arahan bertulis daripada **Orang Yang Diinsuranskan**.

13. Mata Wang Dan Kadar Tukaran

Semua premium perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** akan dimasukkan ke dalam hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan membuat bayaran dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, **Syarikat** akan membayar pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil yang sah dari segi undang-undang dalam Ringgit Malaysia berdasarkan kadar tukaran yang disebut (yakni kadar pasaran terbuka, tetapi jika pasaran terbuka itu bukan pasaran bebas, maka tarif rasmi hendaklah digunakan) pada tarikh tuntutan tersebut diselesaikan.

Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, **Orang Yang Diinsuranskan** akan bertanggungjawab atas sebarang kos tambahan yang ditanggung akibat pemindahan dana ke akaun bank luar negara. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran pemindahan, caj penukaran mata wang, dan cukai yang berkenaan. Perbelanjaan ini tidak akan dilindungi oleh **Polisi** ini.

14. Undang-Undang Yang Boleh Dipakai

Polisi ini, beserta semua hak, tanggungjawab, dan liabiliti yang timbul daripadanya, akan ditafsirkan, ditentukan, dan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang Malaysia, dan Mahkamah Malaysia akan mempunyai bidangkuasa eksklusif dalam hal ini.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti boleh diambil di bawah **Polisi** ini sebelum tamatnya enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan mengikut keperluan **Polisi** ini.

15. Penerimaan

Penerimaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah, terhadap sebarang pampasan yang perlu dibayar di sini hendaklah dalam semua kes akan menjadi pembebasan yang mutlak terhadap liabiliti **Syarikat**.

16. Had Wilayah

Polisi ini memberikan perlindungan secara seluruh dunia kecuali untuk Negara-Negara Terkecuali* kecuali dinyatakan sebaliknya atau diperbaiki.

*Negara-Negara Terkecuali termasuk Israel, Iran, Syria, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Korea Utara, Somalia, Sudan, Sudan Selatan, Zimbabwe dan semua negara yang dikenakan sekatan dan negara di mana peperangan diisytiharkan.

17. Kebenaran Untuk Menggunakan Data Peribadi

- (a) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mewakili dan menjamin bahawa jika dia mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain kepada **Syarikat**, bahawa dia mempunyai kebenaran untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut, bahawa dia telah memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut mengenai tujuan maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang boleh menerima maklumat peribadi mereka berikutan pendedahan oleh **Syarikat**, dan bahawa **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain bersetuju bahawa **Syarikat** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran **Polisi** ini) mengikut Notis Privasi **Syarikat** seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di allianz.com.my.

(b) **Peraturan Perlindungan Data Umum (“General Data Protection Regulation” atau “GDPR”)**

Sekiranya ada **Orang Yang Diinsuranskan** ingin menggunakan hak GDPR mereka, **Pemegang Polisi** akan memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** untuk menulis kepada **Syarikat** di privacy@allianz.com.my agar **Syarikat** dapat menilai dan mematuhi Undang-undang Privasi EU – GDPR.

18. Kewajipan Penzahiran

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi**, **Pemegang Polisi** mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh **Syarikat** dengan lengkap dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Pemegang Polisi** ketahui berkaitan dengan keputusan **Syarikat** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan jika tidak, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. Kewajipan penzahiran ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dimeterai, diubah atau diperbaharui.

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi**, **Pemegang Polisi** mempunyai kewajipan untuk menzahirkan apa-apa perkara yang diketahui oleh **Pemegang Polisi** yang berkaitan dengan keputusan **Syarikat** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal tersebut itu boleh dijangka tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan penzahiran ini berterusan sehingga masa kontrak dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(c) **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak **Syarikat**, jika sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

19. Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting

Tertakluk kepada kewajipan penzahiran **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, jika sebarang jawapan, penzahiran atau representasi oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** dalam atau kepada mana-mana cadangan atau pengisytiharan atau pertanyaan, telah dinyatakan secara sengaja atau cuai dalam mana-mana aspek sebelum kontrak insurans ini dibuat, diubah atau diperbaharui, atau jika **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** gagal mendedahkan sebarang fakta bahawa **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tahu berkaitan dengan keputusan **Syarikat** sama ada untuk menerima risiko ini dan atas kadar dan terma yang akan digunakan, maka, **Polisi** ini akan terbatal.

Sekiranya sebarang tuntutan yang dibuat oleh **Orang Yang Diinsuranskan** adalah penipuan atau dibesar-besarkan, atau jika sebarang pengisytiharan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Syarikat** berhak untuk menafikan atau mengurangkan tuntutan tersebut atau menamatkan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan.

20. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/ atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah **Polisi** ini, **Syarikat** berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium yang berkenaan dan caj-caj lain. Semua peruntukan dalam **Polisi** ini mengenai pembayaran premium dan keingkar akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

21. Tunai Sebelum Perlindungan

Ia adalah syarat asas dan mutlak yang khusus di bawah **Polisi** ini bahawa premium mestilah diterima oleh **Pemegang Polisi** sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, perlindungan individu di bawah **Polisi** ini akan terbatal dari tarikh bermulanya.

22. Notis Had Sekatan Mengikut Piawaian Allianz Terhadap Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Percambahan Dan Sekatan Kewangan Yang Bersasar

Kami dari masa ke semasa akan menjalankan pemeriksaan sekatan ke atas **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan** dan mana-mana wakil peribadi, pemegang amanah, benefisiari-

benefisiari dan sesiapa yang berhak untuk menuntut atau menerima wang atau faedah secara langsung atau tidak langsung di bawah **Polisi** ini, dan mana-mana pemilik benefisialnya. Kami tidak akan dianggap sebagai memberikan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa premium yang diterima, membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa faedah di bawah **Polisi** ini setakat mana peruntukan perlindungan tersebut, bayaran balik premium, pembayaran tuntutan tersebut atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan **Kami** atau kakitangan **Kami** kepada sebarang denda, hukuman, sekatan atau larangan yang benar atau risikonya di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Malaysia, Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Bahagian 3 – Pengecualian Am

- (a) **Syarikat** tidak akan membayar tuntutan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada:-
- (i) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi atau kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera, keadaan pengepungan tentera atau sebab yang menentukan pengisytiharan darurat atau pengkalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan tentera, mogok, rusuhan atau kekacauan awam, sekatan atau ancaman peristiwa yang seumpamanya;
 - (ii) Penutupan, kuarantin, pengasingan mandatori, perintah tinggal di rumah, perubahan dalam tahap amaran kerajaan atau sekatan seumpamanya yang dikenakan secara am atau umum (i) kepada sesetengah segmen atau semua populasi, kawasan geografi, bangunan atau kapal atau (ii) berdasarkan, ke, dari, atau melalui tempat orang itu melakukan perjalanan. Pengecualian ini terpakai walaupun perintah atau arahan secara khusus menetapkan **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Teman Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan** untuk dikuarantin atau diasingkan, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam **Polisi** ini;
 - (iii) Kelewatan, penyitaan, penahanan, pemerolehan, kerosakan, pemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh kastam atau pegawai kerajaan atau pihak berkuasa lain di mana mana negara, termasuk apa-apa perintah am, arahan atau nasihat untuk tidak melakukan perjalanan yang dikeluarkan berkaitan atau berpunca daripada Covid-19;
 - (iv) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa sisa nuklear yang terhasil akibat pembakaran bahan bakar nuklear;
 - (v) Bahan letupan toksik radioaktif atau bahan berbahaya yang lain daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklear dan yang seumpamanya;
 - (vi) Kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;
 - (vii) Aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, perlombongan, aktiviti di pelantar minyak, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan;

- (viii) **Orang Yang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang undang atau perkhidmatan pertahanan awam atau operasi, pemindahan di luar negara sebagai sebahagian pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan, Orang Yang Diinsuranskan** yang melancong ke luar negara semata-mata untuk bekerja, kerja manual berkaitan dengan apa-apa perdagangan, pekerjaan, atau profesion semasa **Perjalanan/Lawatan**;
- (ix) **Orang Yang Diinsuranskan** melibatkan diri dalam aktiviti penerbangan selain selaku penumpang yang membayar tambang;
- (x) **Orang Yang Diinsuranskan** melibatkan diri secara langsung dalam mana-mana Keganasan/Akta Keganasan;
- (xi) Apa-apa kerugian akibat pertukaran mata wang dan yang seumpamanya;
- (xii) Perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran **Syarikat** dan/atau campur tangan **Syarikat**;
- (xiii) HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) and/or apa-apa penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walau apapun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, variasinya atau rawatannya walau apapun puncanya;
- (xiv) Rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan atau mana-mana pusat pemulihan;
- (xv) **Orang Yang Diinsuranskan** mendapat diagnosis terminal;
- (xvi) **Orang Yang Diinsuranskan** membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat perubatan, atau dengan nasihat perubatan yang mana lawatan tersebut dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan;
- (xvii) **Orang Yang Diinsuranskan** gagal untuk mendapatkan vaksinasi yang diperlukan sebelum berlepas;
- (xviii) Apa-apa **Penyakit Wajib Laport** yang memerlukan pengasingan atau kuarantin oleh undang-undang, kecuali Covid-19 yang dirujuk dan dilindungi di bawah manfaat yang berikut: Perbelanjaan Perubatan; Pendapatan Hospital; Pembatalan Deposit atau Perjalanan; Pemendekan Perjalanan;
- (xix) **Orang Yang Diinsuranskan** membunuh diri atau cubaan membunuh diri, mencederakan diri atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (selain dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia) atau melakukan apa-apa tindakan jenayah;
- (xx) **Orang Yang Diinsuranskan** berada di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan dadah kecuali dadah tersebut diambil mengikut kebenaran preskripsi perubatan;
- (xxi) Kandungan alkohol dalam sampel darah dan/atau urin melebihi had yang dibenarkan oleh undang-undang;
- (xxii) Apa-apa kos rawatan berkaitan dengan melahirkan anak, keguguran, dan semua komplikasi yang berkaitan kecuali untuk keguguran disebabkan **Kecederaan** akibat **Kemalangan**;
- (xxiii) **Pre-Existing Conditions**;
- (xxiv) **Penyakit** atau gangguan psikologi, gangguan mental dan saraf termasuk tetapi tidak terhad kepada kegilaan;

- (xxv) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: Ini tidak akan terpakai di mana lesen **Orang Yang Diinsuranskan** telah luput tetapi **Orang Yang Diinsuranskan** tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah peraturan Jabatan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan); dan
 - (xxvi) **Orang Yang Diinsuranskan** melakukan perjalanan bertentangan dengan arahan dan nasihat mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam yang lain.
- (b) **Syarikat** tidak akan membayar tuntutan jika **Orang Yang Diinsuranskan** membeli perlindungan di bawah **Polisi** ini dan membuat pembayaran premium selepas **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami/menemui kerugian yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.
- (c) **Syarikat** tidak akan membayar tuntutan yang berpunca daripada **Orang Yang Diinsuranskan** dijangkiti Covid-19 sekiranya status vaksinasi **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah aplikasi MySejahtera adalah selain daripada “Vaksinasi Lengkap” sebelum **Perjalanan/Lawatan**.
- (d) Syarikat tidak akan membayar tuntutan yang berpunca daripada:-
- (i) **Orang Yang Diinsuranskan** menyertai **Aktiviti Berbahaya** kecuali jika sukan tersebut dilindungi di bawah Sukan Tambahan (Rider Pilihan) yang telah dibeli oleh **Orang Yang Diinsuranskan**;
 - (ii) **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam latihan, mengambil bahagian atau berlatih dalam mana-mana pertandingan kelajuan atau perlumbaan, atau mana-mana pertandingan atau sukan profesional yang mana **Orang Yang Diinsuranskan** boleh mendapat atau memperolehi atau menerima bayaran, penajaan, sumbangan atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan; dan
 - (iii) **Orang Yang Diinsuranskan** mengambil bahagian atau berlatih dalam sebarang aktiviti sukan amatir atau pertandingan semasa dalam **Perjalanan/Lawatan**. Ini tidak termasuk penyertaan dalam pertandingan sukan rekreasi tidak rasmi dan kejohanan yang dianjurkan oleh penginapan, resort atau syarikat pelayaran untuk menghiburkan tetamu mereka.

Bahagian 4 – Definisi

Kemalangan bermaksud sebarang peristiwa yang tiba-tiba atau tidak diduga akibat secara langsung dan bebas dari tindakan punca luaran, selain daripada akibat perbuatan **Kecederaan** diri yang disengajakan.

Perubatan Alternatif bermaksud rawatan perubatan alternatif yang dijalankan oleh **Pengamal Perubatan** alternatif, selain daripada **Orang Yang Diinsuranskan**.

Syarikat bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 200601015674 (735426V)).

Pengangkutan Umum bermaksud mana-mana pengangkutan darat, laut atau udara yang dikendalikan di bawah lesen dan yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan berjadual yang tetap bagi individu yang melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang.

Tarikh Kemalangan bermaksud hari di mana mana-mana **Kecederaan** dan kejadian yang dilindungi berlaku; dilakukan terhadap; dan/atau dijangkiti oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Endorsemen bermaksud pengubahsuaian bertulis terhadap terma, syarat, dan batasan **Polisi** ini.

Ahli Keluarga bermaksud satu (1) pasangan sah pilihan **Orang Yang Diinsuranskan**, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, datuk mertua, nenek mertua, moyang, anak kandung/anak angkat secara sah, cucu, cicit, adik beradik, abang ipar, adik ipar dan kakak ipar.

Aktiviti Berbahaya bermaksud aktiviti mendaki gunung, turun cenuram atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan pendakian yang lain, menembak bola cat, memanjat dalam ruangan tertutup, terbang atau aktiviti udara lain, perlumbaan (selain perlumbaan menggunakan kaki), aktiviti sukan profesional dan apa-apa jenis pertandingan, apa-apa aktiviti percutian sukan yang ditaja dan apa-apa aktiviti lain yang memerlukan tahap kemahiran tertentu dan melibatkan pendedahan kepada risiko.

Rumah bermaksud tempat kediaman **Orang Yang Diinsuranskan** di Malaysia.

Hospitalisasi bermaksud kemasukan ke hospital sebagai pesakit dalam untuk rawatan yang diperlukan dari segi perubatan untuk **Kecederaan** atas syor seorang **Pengamal Perubatan**. Pesakit tidak akan dianggap berada dalam **Hospitalisasi** jika pesakit tidak tinggal di hospital secara fizikal untuk tempoh seluruh kemasukan.

Penyakit bermaksud sebarang kemerosotan tahap kesihatan yang tiba-tiba dan tidak dijangka yang disahkan oleh seorang **Pengamal Perubatan**, termasuk **Penyakit** Coronavirus 2019 (Covid-19), dengan syarat bahawa diagnosis Covid-19 disokong dengan salinan laporan perubatan atau laporan makmal yang menunjukkan diagnosis Covid-19 yang sah.

Kawasan Geografi bermaksud destinasi dijadualkan pilihan **Orang Yang Diinsuranskan** di Malaysia, atau kawasan geografi yang dipilih oleh **Orang Yang Diinsuranskan** di luar Malaysia yang dirujuk sebagai "Asia" atau "Seluruh Dunia" dalam jadual **Polisi**. Istilah "Asia" dan "Seluruh Dunia" ditakrifkan seperti berikut:

- (a) Asia ditakrifkan sebagai Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei, Taiwan, Korea, China termasuk Hong Kong dan Macau, Laos, Vietnam, Myanmar, Kemboja, India, Sri Lanka, Maldives, Bangladesh, Nepal, Australia, New Zealand dan Jepun;

(b) Seluruh Dunia ditakrifkan sebagai semua negara termasuk Asia (sebagaimana yang dinyatakan di atas) kecuali Negara-Negara Terkecuali.

Bagi maksud definisi “KAWASAN GEOGRAFI”, istilah “Negara-Negara Terkecuali” termasuk Israel, Iran, Syria, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Korea Utara, Somalia, Sudan, Sudan Selatan, Zimbabwe dan semua negara sekatan dan negara di mana peperangan diisytiharkan.

Kecederaan bermaksud **Kecederaan** anggota badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud individu, seperti yang diisytiharkan oleh **Pemegang Polisi** dan diterima untuk perlindungan oleh **Syarikat**.

Perjalanan/Lawatan bermaksud **Perjalanan/Lawatan** yang bermula apabila **Orang Yang Diinsuranskan** berlepas dari **Rumah Orang Yang Diinsuranskan** atau tempat perniagaan di Malaysia ke tempat berlepas untuk memulakan perjalanan ke destinasi yang dirancang yang berada di dalam skop **Kawasan Geografi**, dengan syarat bahawa **Perjalanan/Lawatan** tersebut tidak bermula lebih dari dua puluh empat (24) jam sebelum masa berlepas yang telah ditempah atau dijadualkan dan berakhir pada salah satu daripada yang berikut:

- (i) apabila tiba di destinasi akhir **Orang Yang Diinsuranskan** di Malaysia; atau
- (ii) pada tarikh tamatnya **Tempoh Insurans** yang dinyatakan dalam **Jadual**; yang mana yang lebih awal; atau
- (iii) tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas ketibaan **Orang Yang Diinsuranskan** di Malaysia jika perjalanan kembali ke destinasi akhir yang diingini bermula atau berlanjutan selepas tamatnya **Tempoh Insurans Orang Yang Diinsuranskan**.

Tempoh bagi setiap **Perjalanan/Lawatan** tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut untuk perjalanan dalam Malaysia dan dua ratus (200) hari berturut-turut untuk perjalanan di luar Malaysia, dari permulaan **Perjalanan/Lawatan**.

Pengamal Perubatan bermaksud **Pengamal Perubatan** berdaftar yang dilisenkan oleh pihak berkuasa perubatan negara di mana rawatan diberikan dan beliau sedang mengamalkan profesinya mengikut skop perlesenan dan latihannya, tetapi tidak termasuk **Pengamal Perubatan** yang merupakan **Orang Yang Diinsuranskan** itu sendiri.

Bencana Alam bermaksud kejadian buruk yang besar terhasil daripada proses semula jadi bumi seperti banjir, puting beliung, taufan, kebakaran hutan liar, letusan gunung berapi, gempa bumi, gelombang haba, tsunami, ribut pasir atau tanah runtuh.

Penyakit Wajib Laporkan bermaksud **Penyakit** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat oleh pandemik influenza dan apa-apa **Penyakit** yang lain (tidak termasuk Covid-19) atau **Penyakit** yang telah diisytiharkan sebagai pandemik atau epidemik atas perintah pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan atau pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf.

Ibu Bapa bermaksud ibu bapa biologi, ibu bapa angkat secara sah, atau penjaga sah **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh apabila **Orang Yang Diinsuranskan** diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**, tertakluk kepada terma dan syarat serta pengecualian **Polisi** ini.

Hilang Upaya Kekal bermaksud keadaan seperti yang dinyatakan dalam **Skala Manfaat** di bawah Bahagian 1 (A)(2).

Barangan Peribadi bermaksud barangan peribadi milik **Orang Yang Diinsuranskan**, yang dibawa bersama oleh **Orang Yang Diinsuranskan** semasa **Perjalanan/Lawatan** atau yang diperolehi oleh **Orang Yang Diinsuranskan** semasa **Perjalanan/Lawatan**.

Bagasi Peribadi bermaksud setiap beg pakaian atau bagasi **Orang Yang Diinsuranskan** yang seumpamanya dan barangan di dalamnya yang dibawa oleh **Orang Yang Diinsuranskan** semasa **Perjalanan/Lawatan**.

Polisi bermaksud **Polisi** kontrak ini termasuk **Jadual** dan semua **Endorsmen**.

Pemegang Polisi bermaksud seseorang atau badan korporat seperti yang diterangkan dalam **Jadual** yang mana **Polisi** ini telah dikeluarkan bagi perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**.

Penyakit Sedia Ada bermaksud sebarang keadaan di mana rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis, konsultasi dan/atau ubatubatan telah didapatkan atau diterima dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum **Perjalanan/Lawatan** dimulakan.

Jadual bermaksud **Jadual** yang dilampirkan pada **Polisi** ini di mana butiran termasuk butiran berkaitan **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan.

Jumlah Yang Diinsuranskan bermaksud jumlah manfaat yang boleh dibayar seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Penyakit Serius bermaksud:

- (i) **Penyakit** (termasuk Covid-19) yang, jika dialami, akan menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** disahkan oleh seorang **Pengamal Perubatan** sebagai tidak layak dari aspek kesihatan untuk melakukan perjalanan atau meneruskan **Perjalanan/Lawatan** dan memerlukan **Orang Yang Diinsuranskan** menerima rawatan; atau
- (ii) berkenaan dengan orang selain **Orang Yang Diinsuranskan**, **Kecederaan** atau **Penyakit** yang disahkan oleh seorang **Pengamal Perubatan** sebagai membahayakan nyawa.

Peranti Pintar bermaksud peranti elektronik, seperti telefon pintar, tablet, iPad, pembantu digital peribadi (PDA), komputer atau komputer riba dan peralatan yang seumpamanya.

Keganasan/Akta Keganasan adalah suatu perbuatan, termasuk penggunaan kekerasan atau keganasan oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau mempunyai kaitan dengan mana-mana organisasi yang dilakukan untuk tujuan politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan penduduk awam dalam ketakutan terhadap tujuan tersebut.

Teman Perjalanan bermaksud individu yang didaftarkan bersamasama dalam **Perjalanan/Lawatan** dengan **Orang Yang Diinsuranskan**.

Senarai Semak Dokumen Sokongan Yang Diperlukan Untuk Membuat Tuntutan

Manfaat	Dokumen
Kemalangan Peribadi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap 2. Tiket kapal terbang atau jadual perjalanan 3. Laporan perubatan atau sijil kematian 4. Bil perubatan/resit asal
Tuntutan berkaitan Perubatan	<ol style="list-style-type: none"> 5. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital 6. Cetak skrin status vaksinasi dalam aplikasi MySejahtera 7. Sijil vaksinasi Covid-19 8. Salinan laporan perubatan atau laporan makmal menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19
Pembatalan Deposit atau Perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap 2. Tiket kapal terbang atau jadual perjalanan 3. Invois pembatalan dan bayaran balik yang perlu dibayar 4. Laporan perubatan/sijil kematian Orang Yang Diinsuranskan atau Ahli Keluarga Orang Yang Diinsuranskan
Pemendekan Perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> 5. Bukti hubungan antara Orang Yang Diinsuranskan dan Ahli Keluarga contohnya sijil kelahiran, sijil perkahwinan 6. Resit asal semua jumlah yang dituntut 7. Cetak skrin status vaksinasi dalam aplikasi MySejahtera 8. Sijil vaksinasi Covid-19 9. Salinan laporan perubatan atau laporan makmal menunjukkan pengesahan diagnosis Covid-19
Kelewatan Perjalanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap 2. Tiket kapal terbang atau jadual perjalanan 3. Pengesahan bertulis daripada Pengangkutan Umum mengenai tempoh kelewatan (dalam bilangan jam), tarikh dan masa sebenar dan masa berlepas dan sebab-sebab kelewatan/terlepas perjalanan/terlepas sambungan
Kelewatan Bagasi	
Bagasi Peribadi atau Barangan Peribadi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap 2. Tiket kapal terbang atau jadual perjalanan 3. Salinan laporan dari pihak yang berkaitan 4. Laporan harta benda tidak selaras dari Pengangkutan Umum 5. Pengesahan bertulis dari Pengangkutan Umum mengenai kehilangan bagasi 6. Resit asal untuk barangan yang dituntut

Bencana Alam di Destinasi	<ol style="list-style-type: none">1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap2. Resit asal perjalanan dan penginapan yang sudah dibayar3. Salinan tiket kapal terbang
Kerosakan Peralatan Sukan	<ol style="list-style-type: none">1. Borang pembayaran yang diisi dengan lengkap2. Tiket kapal terbang atau jadual perjalanan3. Gambar peralatan sukan yang rosak4. Resit asal item yang dituntut. Jika tiada, berikan deskripsi item dengan tarikh pembelian dan harga5. Jika item dihantar untuk dibaikpulih, berikan resit asal untuk kos baikpulih6. Laporan polis

Senarai di atas tidak lengkap. **Syarikat** berhak untuk meminta sebarang dokumen yang berkaitan yang mungkin sesuai dan munasabah untuk menyokong tuntutan **Orang Yang Diiinsuranskan**/Penuntut Manfaat dengan kos sendiri oleh **Orang Yang Diiinsuranskan**/Penuntut Manfaat.

Notis Penting

Perlindungan Polisi Dan Bayaran Premium

Adalah syarat **Polisi** ini bahawa premium yang perlu dibayar untuk perlindungan di bawah **Polisi** mesti dibayar sebelum perlindungan dimulakan. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka perlindungan **Orang Yang Diiinsuranskan** di bawah **Polisi** ini akan dianggap terbatal dari permulaan.

Penyerahan Aduan

Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.

Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:

Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.



 1 300 22 5542  customer.service@allianz.com.my  allianz.com.my

Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan muktamad kami, dan sekiranya aduan anda berada di dalam skop FMOS serta had monetari pertikaian tidak melebihi RM250,000.

FMOS boleh dihubungi di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (No. Syarikat: 200401025885)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811  fmos.org.my




Jika aduan anda berada di luar bidang FMOS, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Secara Bertulis:

BNMLINK
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

Pejabat BNMLINK:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB
No. 10, Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

 1 300 88 5465
03 2174 1717 (Luar Negara)  03 2174 1515 (Faks)  bnm.gov.my (Laman Sesawang)
bnm.gov.my/livechat (Live Chat)
bnmlink.bnm.gov.my (Borang eLINK)

Untuk kunjungan fizikal, BNMLINK hanya menerima pelawat melalui janji temu sahaja. Orang ramai boleh membuat janji temu melalui Borang eLINK atau menerusi telefon.

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh FMOS atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.